

**Penyeragaman Struktur Kementerian Pelajaran Dan Pengajian Tinggi Dijangka Selesai Sebulan
Bernama
21 Mei, 2013**

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Penyeragaman struktur Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara, dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh sebulan, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Selasa.

Pada masa yang sama, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran telah mengemukakan cadangan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk meringkaskan nama kedua-dua kementerian itu kepada Kementerian Pendidikan dan diharap mendapat persetujuan dalam tempoh segera.

"Proses pencantuman kedua-dua kementerian ini bukan sesuatu yang sukar kerana Kementerian Pelajaran menumpukan kepada sekolah rendah dan menengah telah dilakukan sekian lama sementara itu Kementerian Pengajian Tinggi berurusan dengan pendidikan tinggi telah dilaksanakan dengan baik dan cemerlang oleh pimpinan terdahulu.

"Sementara itu, struktur baru kementerian ini sedang disusun. Saya telah mengadakan perbincangan dengan Ketua Setiausaha Negara (Datuk Seri Dr Ali Hamsa) dan semalam (berbincang) dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) (Datuk Mohamad Zabidi Zainal) sambil mendengar pandangan dari kedua-dua pimpinan tertinggi sedia ada," katanya pada satu sidang media di sini hari ini.

Sebelum itu, Muhyiddin mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua bahagian Kementerian Pelajaran dan pegawai-pegawai kanan sektor pengajian tinggi di Kementerian Pelajaran di Kompleks E dan Presint 5.

Hadir sama ialah Menteri Pelajaran II, Datuk Seri Idris Jusoh, Timbalan Menteri Pelajaran I dan II, Datuk Mary Yap Kain Ching dan P.Kamalanathan.

Muhyiddin berkata kesemua menteri dan timbalan menteri bertanggungjawab memikul tugas secara keseluruhan untuk memastikan mereka mengetahui semua aspek perkembangan pendidikan negara.

"Kita harap dengan penyatuan dua kementerian sebagai satu badan besar akan melicinkan urusan-urusan kualiti pendidikan negara. Memang usaha diteruskan, lebih-lebih lagi Kementerian Pengajian Tinggi melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Kementerian Pelajaran pula Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025.

"Kedua-dua pelan ini boleh terus kita laksanakan dalam beberapa tahap akan datang. Matlamatnya adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan setanding mana-mana negara maju," katanya.

Muhyiddin berkata penggabungan kedua-dua kementerian dengan sumber yang lebih luas dari segi kepakaran dan kemahiran boleh dimanfaatkan bersama sambil memberi contoh, kepakaran tenaga pensyarah digunakan untuk membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah.

Di samping itu, beliau mahu penglibatan dan kerjasama yang rapat dari semua pihak

berkepentingan dalam pendidikan di negara ini.

"Kita akan bersikap terbuka, sedia menerima pandangan dan kritikan untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang lebih baik, maju dan berjaya," katanya.

Mengulas mengenai kedudukan Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah kedua-dua kementerian, Muhyiddin berkata perkara itu akan dibincangkan dan diperhalusi dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan akan dikemukakan pada minggu depan.

"Saya akan bawa perkara itu untuk kelulusan Perdana Menteri," katanya.

Mengenai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC), Muhyiddin berkata Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Bersatu Malaysia (Dong Zong) harus sedia membuat pengubahsuaian selaras dengan Dasar Pelajaran dan Akta Pendidikan sedia ada.

"Perkara ini telah dibincangkan sebelum ini tetapi belum ada kata putus. Bagi kami, kalau mereka (Dong Zong) sedia membuat pengubahsuaian, itu tidak menjadi masalah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951217>